

PETIKAN PUISI – PUISI TRADISIONAL

LATIHAN 1 Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

PANTUN DUA KERAT (NASIHAT)

- | | | | |
|---|---|---|--|
| 1 | Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat. | 4 | Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa. |
| 2 | Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap. | 5 | Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul. |
| 3 | Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa. | | |

Daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Maksud rangkap kedua pantun ialah
 - A orang yang suka berselimut akan menjadi kuat tidur.
 - B kesungguhan dalam melakukan pelbagai pekerjaan.
 - C kegagalan akan menimpa sekiranya seseorang malas berusaha.
 - D tindakan seseorang itu lazimnya berkait rapat dengan sikapnya.
2. Berdasarkan rangkap keempat pantun, apakah perkara yang perlu kita lakukan?
 - A Kita hendaklah sentiasa bekerjasama dalam melakukan apa-apa pekerjaan.
 - B Kita hendaklah rajin berusaha dan jangan malas untuk mencapai kejayaan.
 - C Kita hendaklah menyelesaikan masalah hidup demi mengekalkan keharmonian.
 - D Kita hendaklah menjalin hubungan yang erat antara satu sama lain.

3.

<u>Buah</u> sintang <u>buah</u> senikul, <u>Satu</u> memegang <u>satu</u> memikul.

Rangkap kelima pantun di atas menunjukkan penggunaan gaya bahasa

- A repetisi.
- B inversi.
- C responsi.
- D metafora.

4. Antara yang berikut, pernyataan yang **tidak benar** tentang pantun tersebut ialah
 - A rima akhir ialah *aa*.
 - B terdiri daripada lapan hingga sebelas suku kata.
 - C terdiri daripada tiga hingga enam patah perkataan dalam sebaris.
 - D rangkap pertama ialah pembayang manakala rangkap kedua ialah maksud.
5. Yang berikut merupakan pengajaran pantun **kecuali**
 - A kita harus mengelakkan diri daripada banyak tidur.
 - B kita janganlah marah akan kekurangan diri.
 - C kita hendaklah rajin berusaha demi mencapai kejayaan.
 - D kita hendaklah memiliki daya usaha yang tinggi.